

NILAI TRANSFORMASI KOMUNITI MAH MERI DALAM PELANCONGAN PERIBUMI

(TRANSFORMATION VALUE OF MAH MERI COMMUNITY IN ABORIGINAL TOURISM)

Rohayu Roddin¹
Yusmarwati Yusof¹
Halizah Awang¹
Sarebah Warman¹

Abstrak

Masyarakat Orang Asli Mah Meri merupakan kumpulan etnik Orang Asli daripada kumpulan Senoi. Mereka mempunyai kemahiran dari aspek ukiran berasaskan kayu dan anyaman. Keunikan hasil mereka telah mendapat permintaan dari pelancong tempatan dan juga luar negara. Produk ukiran kayu yang dihasilkan oleh mereka adalah seperti ukiran patung, topeng dan hiasan yang diperbuat daripada spesis kayu Nyireh Batu dan Kayu Pulai. Manakala produk anyaman seperti bakul, gelang, penanda buku, bujam dan bakul berduri dihasilkan daripada spesis pandan, daun nipah dan bahan lain. Selain itu, mereka juga mempunyai kumpulan tarian yang dikenali kumpulan tarian Jo Oh dan sering membuat persembahan sama ada di Perkampungan Budaya ataupun di majlis-majlis keramaian di luar penempatan mereka. Komuniti ini telah melalui satu proses transformasi yang membawa kejayaan kepada komuniti mereka. Melalui peralihan ini telah membawa nilai perubahan positif kepada mereka dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang menjana potensi dan kejayaan mereka dalam pelancongan peribumi.

Keywords: Transformasi, Orang Asli, Pelancongan Peribumi

Abstract

Mah Meri tribe is an aboriginal ethnic from the group of Senoi. They have the skills of carving the wood and wicker. The uniqueness of the products have been getting requests from local and overseas tourists. Wood carving products produced by them are like sculptures, masks and decorations. All of the products are made from a special wood from a species of Nyireh Batu and Kayu Pulai. While woven products such as baskets, bracelets, bookmarks, bujam and baskets made from species of thorny pandanus, palm leaves and other materials. In addition, they also have a dancing group called Jo Oh and often performed either at the Cultural Village or in ceremonies outside their community area. This community has been through a process of transformation that brought success to their communities. Through this transformation has brought positive changes to their value of cognitive, affective and psychomotor that generated potential and their success in Aboriginal tourism.

Keywords: Transformation, Aboriginal, Aboriginal Tourism

¹ Pensyarah, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400 Batu Pahat, Johor, Tel: +6074537000 E-mail: rohayu@uthm.edu.my

Pengenalan

Transformasi boleh dikategorikan kepada transformasi diri, sosial, ekonomi (kewangan), politik (kepimpinan), sosioekonomi, pendidikan dan keagamaan. Istilah transformasi merupakan gabungan perkataan “trans” dan “formasi” yang mana jika digabungkan memerlukan pelaksanaan secara serentak. Transformasi merupakan berganjak, bergerak, berubah, beralih dari suatu tempat, keadaan atau situasi ke suatu destinasi yang baharu dan dalam masa yang sama harus merubah bentuk, struktur, kaedah pengoperasian dalam menguruskan keperluan diri masyarakat dan negara keunggulan (Noor Yazlind, 2012). Transformasi atau perubahan boleh menekankan kepada penyusunan semula masyarakat, menghapuskan kemiskinan dan mewujudkan peluang baru melalui penstrukturan perkerjaan dan sosial, keadilan sosial melalui pengagihan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi. Setiap perkara yang berlaku akan membawa perubahan besar dari segi cara hidup, pemodenan pemikiran dan sosial, pembentukan budaya baru dan perkembangan nilai-nilai baru (Abd Rahim, 2001).

Transformasi nilai adalah penting bagi melihat kesan transformasi itu sendiri ekoran daripada pengaruh sekeliling. Nilai bukannya suatu pengaruh yang statik, sebaliknya begitu dinamik dalam mencorakkan perubahan dan perkembangan hidup manusia. Nilai berubah mengikut masa dan keadaan. Kesemua transformasi atau perubahan yang berlaku mencetuskan perubahan nilai baru. Transformasi nilai berlaku kerana pengaruh pelbagai perubahan seperti perubahan pemikiran, ideologi sosial, ekonomi, politik, budaya dan teknologi. Perubahan sistem nilai memberi kesan yang luas kepada perubahan sosial, ekonomi dan juga politik. Sesuatu komuniti harus bersedia menghadapi perubahan supaya perubahan yang diterima tidak mendatangkan kesan buruk seperti kejutan budaya, dilema moral, krisis identiti dan masalah sosial (Abd Rahim, 2001).

Transformasi boleh berlaku dalam individu, organisasi, industri, masyarakat, dan lain-lain. Transformasi boleh dilakukan secara berperingkat. Jika sesuatu kelompok masyarakat masih berpegang pada tradisi, proses penambahbaikan boleh dilakukan secara berperingkat supaya ianya akan dapat bertahan di atas setiap perubahan yang berlaku. Melalui transformasi akan membawa nilai perubahan sama ada berbentuk positif atau negatif. Nilai perubahan perlu dilihat kerana perubahan yang berlaku merupakan satu transformasi bermula. Nilai perubahan positif akan membawa kesan kepada perubahan aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

Masyarakat Orang Asli

Masyarakat Orang Asli mempunyai kelebihan yang tersendiri di mana kelebihan ini boleh digilap sebagai salah satu tarikan kepada pelancong (Adi, Hood dan Rashid, 2006). Antara kelebihan yang ada dalam komuniti ini adalah seperti berikut:

- (i) Sewang - Jika dulu Sewang menjadi upacara pemujaan untuk adat istiadat tertentu, namun kini Sewang telah diketengahkan sebagai persembahan kebudayaan masyarakat Orang Asli. Biarpun dilanda arus kemodenan, nilai-nilai estetika dalam setiap seni persembahan tetap dipelihara dan dipertahankan.
- (ii) Seni dan kreativiti - Hasil kraf tangan dan ukiran kayu Orang Asli kini dipasarkan secara meluas di dalam dan luar negara. Pelancong-pelancong asing yang datang ke

Malaysia tidak melepaskan peluang untuk membawa pulang hasil tangan mereka ke negara masing-masing. Hasil seni Orang Asli boleh diperoleh di Muzium Orang Asli Gombak, Pasar Seni, malah ada yang turut dijual di hentian Rawat dan Rehat Lebu Raya Utara-Selatan. Pengunjung yang melawat penempatan Orang Asli juga berpeluang mendapatkan hasil kraf tangan mereka.

- (iii) Alat Muzik - Nyanyian dan tarian tidak lengkap tanpa alat muzik. Hasil dari kreativiti masyarakat Orang Asli, alatan muzik dari bahan-bahan tempatan direka cipta mengikut bunyi yang diingini. Antara alat muzik tradisional mereka ialah Siol (Seruling Buluh), Gooh (Buluh Cenlong), Genggong (Ranggol), Bataq (Gendang) dan Korep (Gitar Buluh).
- (iv) Kraf tangan - Orang Asli juga menghasilkan barang-barang kraf tangan, unsur-unsur seni yang berkait rapat dengan motif dan corak diterapkan pada ukiran kayu, buluh, anyaman, perhiasan diri, sumpitan, tabung damak dan sebagainya.

Budaya peribumi atau Orang Asli telah menjadi tarikan kuat kepada pelancong dan keadaan ini telah menarik perhatian usahawan pelancongan, agensi-agensi kerajaan dan ahli akademik. Dari perspektif ekonomi, peribumi dilihat sebagai mempunyai kelebihan menerusi pelancongan yang berdaya saing berdasarkan budaya mereka yang unik, layanan dan tanah tradisi mereka. Hubungan antara pekekalan budaya dan ekonomi saling bergantung di mana budaya dilihat mampu menyumbang kepada kejayaan ekonomi dan kejayaan ekonomi menyumbang kepada pekekalan budaya (Hinch dan Butler, 2007). Menurut Shaw dan Williams (1997), elemen penting yang menjadi tarikan kepada pelancong adalah melibatkan perkara fizikal iaitu kraf tangan, tradisi, sejarah kawasan/wilayah, seni bina, makanan tempatan, seni dan muzik, cara hidup, agama, bahasa dan pakaian tradisi. Kraf tangan dan tradisi menjadi salah satu elemen yang boleh menarik kedatangan pelancong. Elemen ini merupakan satu kekuatan kepada komuniti Orang Asli yang mempunyai kraf tangan yang unik dan budaya tradisi yang menarik.

Masyarakat Orang Asli merupakan kumpulan kaum yang hidup dalam kelompok sosial yang unik. Berdasarkan suku kaum yang pelbagai serta perbezaan faktor bahasa, kebudayaan, adat resam dan keadaan fungsi ekonominya, rakyat Malaysia dapat menyaksikan kepelbagaian budaya dan kesenian Orang Asli mengikut suku kaum masing-masing. Sebagai langkah menyetengahkan budaya dan kesenian Orang Asli, pelbagai persembahan kebudayaan dan kesenian diselenggarakan di majlis-majlis keramaian, seminar-seminar dan sambutan perayaan di Malaysia. Kerjasama dan penglibatan di kalangan masyarakat Orang Asli begitu menggalakkan hingga ada di antara persembahan mereka dijadikan acara tahunan Malaysia (Adi, Hood dan Rashid, 2006).

Di Malaysia, kebanyakan Orang Asli yang terlibat dengan aktiviti pelancongan memperkenalkan produk kraftangan, tarian kebudayaan dan menjadi pemandu pelancong bagi komuniti yang berada di kawasan eko pelancongan. Kraf tangan komuniti Orang Asli boleh menjadi pelengkap kepada industri pelancongan. Ia boleh menjadi cenderamata kepada pelancong yang membawa ingatan kepada sesuatu destinasi pelancongan. Menurut Abd. Jalil (1988), perkhidmatan kedai-kedai cenderamata dan kedai kraf tangan merupakan salah satu perkhidmatan yang diperlukan oleh pelancong dalam sesuatu acara melancong. Justeru kraf tangan dan pelancongan merupakan satu tarikan dan juga keperluan yang saling bergantung untuk melengkapkan suasana melancong itu. Perkhidmatan kedai cenderamata dan kraf tangan merupakan antara keperluan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh seseorang pelancong sejak meninggalkan rumahnya sehingga kembali semula ke rumahnya.

Inskeep (1996) juga menyatakan, membeli-belah merupakan kegiatan serta jenis perbelanjaan yang agak penting bagi kebanyakan pelancong yang perlu diberi perhatian dalam perancangan pelancongan sebagai daya tarikan mahupun perkhidmatan yang diperlukan oleh pelancong. Walaupun pelancong tidak berbelanja besar semasa membeli belah, pelancong biasanya ingin membawa balik sedikit ole-ole sebagai kenang-kenangan. Melalui penjualan kraf tangan, ia mampu menyumbang kepada sumber pendapatan.

Komuniti Orang Asli Mah Meri

Masyarakat Orang Asli Mah Meri merupakan kumpulan etnik Orang Asli daripada kumpulan Senoi. Di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor terdapat lima buah perkampungan suku kaum Mah Meri iaitu Sungai Bumbun, Sungai Judah, Sungai Kurau, Sungai Rambai dan Kerpau Laut yang mempunyai penduduk seramai 1,149 orang. Terdapat juga penempatan suku kaum Mah Meri di kampung yang lain seperti di Jadual 1. Mah Meri bermakna “Orang Hutan” sementara dari segi istilah pula Mah Meri disebut “bersisik”. Kaum ini juga dikenali sebagai Orang Laut kerana mereka tinggal berhampiran dengan laut dan bekerja sebagai nelayan (Muzium Pribumi, 2007). Mereka menghormati kebebasan individu yang dibawa dari dahulu lagi dengan gabungan kepercayaan Animisme, Buddha, Hinduisme dan Islam (Misroni, 2011). Produk yang berasaskan kayu dan anyaman terkenal dikalangan Suku Kaum Mah Meri dan mendapat permintaan dari pelancong tempatan dan juga luar negara. Mereka juga terkenal dengan kebolehan dalam tarian kebudayaan dan mempunyai kumpulan tarian yang dikenali sebagai Kumpulan Jo Oh. Mereka sering membuat persembahan di Perkampungan Budaya dan juga di luar dari penempatan mereka. Pembinaan Perkampungan Budaya telah membuka ruang bagi komuniti ini mengembangkan kegiatan atau program pelancongan mereka (JAKOA Selangor, 2011).

Jadual 1: Nama Kampung Orang Asli Mah Meri

Nama Kampung	Status Tanah	Klasifikasi Kampung	Daerah
Tanjung Sepat	Warta	Bandar (tepi jalan)	K. Langat
Telok Tongkah	Warta	Bandar (1km)	K. Langat
Permatang Buah	Warta	Bandar (tepi Jalan)	K. Langat
Pulau Banting	Warta	Bandar (5km)	K. Langat
Sungai Bumbun	Tanah Estate	Pinggir (10km)	K. Langat
Sungai Rambai	Warta	Pinggir (12km)	K. Langat
Kepau Laut	Tanah Kerajaan	Pinggir (14km)	K. Langat
Sungai Judah	Warta	Pinggir (20km)	K. Langat
Sungai Kurau	Warta	Pinggir (28km)	K. Langat
Bukit Tadam	Simpanan Melayu	Pinggir (tepi jalan)	K. Langat
Pulau Indah	Lulus MMK	Pinggir (4km)	K. Langat
Bagan Hailam	Tanah Kerajaan	Pinggir (2km)	K. Langat
Busut Baru	Lulus MMK	Pinggir (15km)	Klang
Tanjong Rabok	Tanah Kerajaan	Pinggir (10km)	Klang
Bukit Bakong/Ulu Cucuh	Tanah Kerajaan	Pinggir (3km)	Sepang

Sumber: JAKOA Selangor (2011)

Melalui Bahagian Pengupayaan Ekonomi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Komuniti Mah Meri merupakan antara komuniti Orang Asli yang pertama dilibatkan dalam program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Komuniti Mah Meri merupakan antara suku kaum asli yang banyak memberi sumbangan dalam menghasilkan kraf tangan dan telah berjaya menarik ramai pelancong ke penempatan mereka untuk melihat hasil kraf tangan dan kebudayaan mereka. Ini dapat dilihat melalui produk-produk yang telah di ketengahkan di peringkat luar negara melalui pameran dan demonstrasi serta lawatan seperti *One Village One Product* (OVOP) Indonesia, *One Tambon One Product* (OTOP) Thailand dan beberapa buah negara lain. Program SDSI ini melibatkan tiga kategori iaitu anyaman, ukiran dan kumpulan kebudayaan. Sebuah Pusat Kraf telah dibina di Kg. Sg Bumbun, Pulau Carey pada tahun 2007 dan 2008 dibawah pembiayaan Bahagian Ekonomi Desa KKLW di atas tanah seluas 0.85 ekar. Seorang penyelia telahpun dilantik bagi menyelia aktiviti pengukir, penganyam dan kumpulan kebudayaan di Pusat Kraf tersebut. Penglibatan kumpulan SDSI Kampung Sungai Bumbun dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak jabatan atau pihak swasta adalah secara berterusan (JAKOA Selangor, 2011).

Penglibatan dan pendedahan Komuniti Mah Meri dalam banyak program memberi peluang kepada masyarakat ini menjalin hubungan dua hala dengan masyarakat luar di samping secara tidak langsung mempromosikan produk dan juga budaya komuniti ini. Pada 18 Julai, 2011, telah berlangsungnya Majlis Perasmian Pusat Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri bertempat di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. Majlis ini disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim, yang merupakan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pada ketika itu. Majlis turut melibatkan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dengan kerjasama JAKOA. Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri berkeluasan tapak 1.85 ekar di mana projek pembinaan telah bermula pada 13 November 2009 dan keseluruhan pembinaannya siap pada 31 Mac 2011. Kraf tangan Malaysia Cawangan Selangor (KMCS) dengan kerjasama Bahagian Usahawan, Ibu Pejabat telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras aktiviti demonstrasi kraf Orang Asli Mah Meri (Kraftangan Malaysia Cawangan Selangor, 2011). Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey ini berupaya menjadi sebuah platform untuk mempromosikan keunikan budaya Orang Asli, menaik taraf sosioekonomi mereka dan boleh menjadi sebagai produk pelancongan. Perkampungan Budaya menjadi tempat lawatan yang telah disenaraikan sebagai salah satu lokasi pelancongan di Negeri Selangor dari Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Misroni, 2011).

Nilai Transformasi Komuniti Orang Asli Mah Meri

Elemen pencetus transformasi adalah melibatkan faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi transformasi. Elemen-elemen perubahan ini telah mendorong kejayaan komuniti Mah Meri. Komuniti Mah Meri telah melalui satu proses transformasi yang membawa nilai positif kepada perubahan keadaan fizikal, sosial dan ekonomi. Proses transformasi memerlukan komitmen ahli komuniti untuk berubah. Seramai 11 peserta kajian telah dipilih yang terdiri daripada ketua, ahli dan mereka yang pernah terlibat dalam sektor pelancongan di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Selangor dalam membantu memberi input berkaitan proses transformasi yang dilalui oleh mereka. Mereka yang dipilih terdiri daripada penganyam, pengukir dan penari kebudayaan sama ada yang masih aktif dan juga yang telah bersara. Melalui kajian ini menunjukkan proses transformasi yang berlaku dalam komuniti Mah Meri menunjukkan pada peringkat permulaan mereka bergantung

kepada pihak kerajaan dan telah berubah ke arah berdikari selari dengan perubahan semasa. Walau bagaimanapun, pemantauan dari pihak kementerian terutama dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) perlu diteruskan sehingga satu generasi yang sudah mempunyai tahap pendidikan yang tinggi mengambil alih setiap program yang telah dilaksanakan. Proses transformasi yang dilalui menyebabkan ahli komuniti mencapai tahap yang membanggakan di mana individu dan komuniti meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang mula mempromosikan komuniti ke peringkat yang lebih tinggi. Anugerah seperti Adi Guru, Tokoh Kraf Negara, UNESCO telah menjadi kebanggaan ahli komuniti dan memberi ruang kepada mereka untuk membangun keupayaan ahli komuniti dalam memperkenalkan komuniti mereka ke peringkat antarabangsa.

Proses transformasi memerlukan komitmen ahli komuniti untuk berubah. Melalui kajian ini, proses transformasi yang berlaku dalam komuniti Mah Meri dapat menjadi satu panduan dan contoh kepada komuniti Orang Asli yang lain untuk berubah. Proses transformasi yang berlaku dalam komuniti Mah Meri adalah selari dengan tipologi penglibatan oleh Arnstein (1969) dan Pretty (1995) dimana perubahan berlaku iaitu dari darjah penglibatan kuasa dan kawalan rendah kepada darjah penglibatan kuasa dan kawalan tinggi. Daripada permulaan sangat bergantung kepada pihak kerajaan dan perubahan ini telah membuat mereka mula belajar berdikari. Pemantauan dari pihak kementerian perlu diteruskan sehingga satu generasi yang sudah mempunyai tahap pendidikan yang tinggi mengambil alih setiap program yang telah dilaksanakan.

Proses transformasi yang dilalui menyebabkan ahli komuniti mencapai tahap yang membanggakan di mana individu dan komuniti meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang mula mempromosikan komuniti ke peringkat yang lebih tinggi. Anugerah seperti Adi Guru, Tokoh Kraf Negara, UNESCO telah menjadi kebanggaan ahli komuniti dan memberi ruang kepada mereka untuk membangun keupayaan ahli komuniti dalam memperkenalkan komuniti mereka ke peringkat antarabangsa.

Melalui proses transformasi ini, telah membuka banyak ruang kepada komuniti Mah Meri dalam membangunkan komuniti mereka melalui penglibatan dalam bidang pelancongan. Peralihan yang dilalui merupakan satu proses ke arah transformasi melalui peranan yang dimainkan oleh pihak JAKOA, kementerian, *NGO* dan kesediaan ahli komuniti untuk berubah dengan mengambil setiap peluang yang diberikan, pembinaan keupayaan diri melalui pendedahan dan latihan serta amalan lestari dalam usaha mengekalkan penghasilan yang diperolehi. Melalui *blueprint* transformasi luar bandar, JAKOA diberi peranan dalam mengurus perdana masyarakat Orang Asli yang merupakan satu aspirasi transformasi yang ingin dicapai oleh pihak kementerian. Strategi pelaksanaan ialah melalui pembangunan minda, menyediakan pelbagai kemudahan asas dan menghubungkan masyarakat Orang Asli kepada pelbagai akses dan kemudahan lain. Selain itu, usaha juga perlu dalam meningkatkan penglibatan aktif masyarakat Orang Asli dalam proses perubahan dan pembangunan seperti pembangunan tanah, ekonomi, keusahawanan dan pendidikan. Bagi pengkaji hasrat dan aspirasi oleh pihak kementerian hanya boleh dicapai jika mendapat kerjasama yang jitu dari ahli komuniti yang terlibat. Keadaan ini berlaku pada komuniti Mah Meri, namun ia merupakan cabaran yang hebat oleh kementerian jika melibatkan banyak komuniti Orang Asli yang lain terutama yang berada di pedalaman jauh dari prasarana dan kemudahan yang lain. Apa yang penting adalah peluang yang diberikan oleh kementerian untuk berubah dan bukan makin meminggirkan komuniti yang telah terpinggir.

Daripada proses penglibatan komuniti Mah Meri dalam bidang pelancongan menunjukkan kekuatan dari aspek nilai transformasi itu sendiri di mana penemuan penting yang ingin pengkaji jelaskan di mana transformasi yang berlaku dalam komuniti Mah Meri telah membawa impak kepada perubahan fizikal, sosial dan ekonomi. Dari aspek fizikal yang jelas dapat dilihat dalam komuniti Mah Meri ialah dari segi peningkatan infrastruktur dan kemudahan awam di mana ianya disalurkan secara berperingkat kerana adanya keperluan ke arah kemudahsampaian dan kepuasan pelancong terutama melibatkan sistem sokongan dalam produk pelancongan di Pulau Carey. Pembangunan sosial dari aspek individu dan komuniti berubah secara positif ke arah komuniti yang berkejasama. Pendedahan dan penglibatan telah mendorong ke arah perubahan sosial yang baik melalui pembentukan sikap positif. Manakala, dari aspek ekonomi jelas dapat dilihat bahawa dari komuniti yang hanya cukup makan ke arah lebih pendapatan yang disalurkan melalui simpanan. Selain itu, aspek kebendaan dan pembangunan personaliti dapat ditingkatkan apabila wujudnya pendapatan dari aktiviti pelancongan peribumi tersebut. Jelas menunjukkan bahawa proses transformasi ekoran dari penglibatan dalam bidang pelancongan telah membawa nilai perubahan positif dari aspek fizikal, sosial dan ekonomi.

Selain itu, ia memberi perubahan yang baik dari aspek psikologi di mana berlaku perubahan dari aspek kognitif (minda), afektif (sikap) dan psikomotor (tingkah laku). Melalui perubahan minda iaitu kesedaran berkaitan kepentingan menerima perubahan mengarah kepada kesediaan sikap terbuka dan menerima setiap rancangan pembangunan dan program secara positif. Secara tidak langsung ia mendorong penglibatan bersama ahli komuniti dalam menjayakan setiap aktiviti dan program yang diikuti. Sikap positif seperti aktif, rajin, berusaha bagi mencapai matlamat mendorong kepada tingkah laku yang positif seperti keberhasilan melalui tindakan yang bersungguh-sungguh. Hubungan kait antara perubahan minda, sikap dan tingkah laku saling bertindak balas mengarah kepada pencapaian matlamat komuniti melalui pembangunan potensi dan keupayaan dalam menjayakan pelancongan peribumi. Pembangunan potensi komuniti Mah Meri merangkumi kelebihan yang ada pada komuniti ini seperti kraf tangan, kebudayaan dan persekitaran menjadi satu produk yang mampu menghasilkan pendapatan. Manakala pembangunan keupayaan merangkumi pembangunan kemahiran meliputi pelbagai aspek melibatkan kreativiti, cara berkomunikasi, memimpin, mengurus dan berketerampilan. Interaksi elemen-elemen pembangunan ini mampu mewujudkan komuniti lestari dari aspek pemikiran, personaliti, tindakan yang membawa kepada kesejahteraan hidup komuniti Orang Asli meliputi kelestarian sosioekonomi iaitu sumber pekerjaan, pemeliharaan dan pemuliharaan budaya warisan, peningkatan taraf hidup serta peningkatan personaliti.


Proses transformasi yang dilalui oleh komuniti Mah Meri merupakan satu pengalaman yang membentuk nilai pemikiran lestari mereka terhadap generasi seterusnya yang akan mewarisi peninggalan mereka. Keterbukaan dan kerjasama dengan masyarakat luar memberi pendedahan kepada mereka dalam mencambah idea bagi pembangunan komuniti dan generasi

seterusnya. Pembelajaran melalui pengalaman membentuk keyakinan terhadap potensi dan kebolehan diri dalam meningkatkan taraf hidup mereka yang secara tidak langsung membawa mereka keluar dari belenggu kemiskinan.

Pelancongan Peribumi Komuniti Mah Meri

Pelancongan Orang Asli atau peribumi boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk aktiviti pelancongan di mana Orang Asli terlibat secara langsung sama ada mengawal atau mempersembahkan kebudayaan mereka sebagai asas tarikan. Penglibatan golongan miskin dan terpinggir dalam perancangan dan pengurusan pelancongan adalah penting untuk memperoleh apa yang mereka inginkan. Penyisihan dan peminggiran adalah salah satu yang menentukan ciri-ciri orang miskin dan dikenali golongan minoriti peribumi. Pelancongan boleh membuka peluang melalui penglibatan dalam mengurus dan mengawal aktiviti sosio-ekonomi, memperkasa masyarakat peribumi untuk berunding dengan ahli ekonomi dan melatih mereka mendapatkan hasil dan kelebihan ekonomi yang dibentuk. Ini adalah satu dimensi penting pelancongan *Pro-Poor Tourism* (Goodwin, 2007). Smith (1996) menyatakan bahawa Pelancongan Peribumi atau dikenali juga sebagai Pelancongan Asli sebagai fenomena yang melibatkan empat elemen yang saling berkaitan atau empat H, yang diperolehi melalui pengalaman budaya. Unsur-unsur ini adalah melibatkan penyesuaian dengan keadaan geografi (*habitat*), warisan budaya yang boleh dipamerkan (*heritage*), kesan akulturasi yang boleh diceritakan (*history*) dan pembuatan produk yang boleh dilihat dan dipasarkan (*handicraft*). Terdapat tiga prinsip yang perlu diikuti untuk membangunkan produk pelancongan peribumi meliputi hubungan, tanggungjawab dan menghormati hak-hak peribumi tersebut (Tourism Western Australia, 2011).

Komuniti Mah Meri terkenal sebagai komuniti yang aktif dalam menghasilkan kraf tangan dan anyaman yang berkualiti, kebudayaan melalui tarian Jo Oh dan persekitaran mereka melibatkan konteks kehidupan seperti sikap dan persekitaran semula jadi yang menjadi identiti pelancongan mereka. Setiap gabungan ini telah membentuk imej dalam kegiatan pelancongan mereka di mana ia dipasarkan sebagai satu kombinasi produk pelancongan yang menarik. Melalui imej yang terbina ini, pelancongan komuniti mereka mampu dipromosikan (seperti Rajah 1).



Rajah 1 Tarikan Pelancongan Peribumi Komuniti Mah Meri

Selain tarikan pelancongan yang ada, imej juga terbentuk hasil daripada kualiti produk yang dihasilkan seperti anugerah dan pencapaian yang diterima oleh komuniti ini. Bagi sebuah destinasi pelancongan yang ingin membangun, pembentukan imej adalah penting bagi menjadi *benchmark* dalam usaha mempermudah promosi dijalankan. Ia merupakan tanda aras yang diberikan bagi tujuan memperingati setiap bentuk dalam penawaran pelancongan.

Rumusan

Aktiviti pelancongan peribumi banyak menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri. Peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan di peringkat kementerian sehingga daerah penting dalam membuka ruang kepada komuniti ini berjaya. Pelbagai program dan bantuan telah dirancang dan diatur oleh pihak kementerian. Komuniti Orang Asli mempunyai kelebihan dari aspek kemahiran, kebudayaan dan cara hidup yang boleh dipasarkan sebagai satu produk pelancongan peribumi. Kekuatan komuniti Mah Meri melalui penglibatan dalam pelancongan peribumi telah membawa perubahan yang besar kepada komuniti ini. Peranan dan peluang yang diberikan oleh pihak JAKOA mampu membuka ruang lebih jauh kepada komuniti Mah Meri untuk maju dalam bidang pelancongan ini tanpa mengabaikan kepercayaan, kebudayaan dan warisan mereka. Mereka menggunakan peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan sebaik mungkin. Daripada sebuah komuniti yang dulunya jauh ketinggalan dari arus pembangunan, sekarang komuniti ini telah bergerak maju seiring dengan kemajuan semasa. Faktor perubahan melibatkan kognitif, afektif dan psikomotor telah membentuk kekuatan dan keupayaan komuniti ini untuk berubah ke arah menjadikan aktiviti pelancongan peribumi sebagai sumber pendapatan utama. Transformasi dari komuniti yang dulunya bergantung pada sumber pertanian dan laut

menjadi komuniti berasaskan keusahawanan pelancongan telah banyak membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Keadaan sosial, ekonomi dan fizikal telah berubah selari dengan transformasi yang dilalui hasil tindakan dari kerajaan, NGO, ketua pemimpin dan ahli komuniti itu sendiri. Kesan nilai transformasi ini telah membawa peningkatan kepada taraf hidup, kualiti hidup, persekitaran harmoni tanpa menggugat asas kepercayaan dan pegangan komuniti. Selain itu, melalui bidang pelancongan peribumi yang diceburi dapat melestarikan budaya hidup dan warisan nenek moyang mereka yang menjadi tarikan utama kepada pelancong.

Penghargaan

Penyelidik mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang membiayai kos penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Vot 1606 dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana memberi kebenaran dan kelulusan pembentangan kertas kerja ini.

Rujukan

- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Perubahan Paradigma Nilai: Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abd. Jalil Anuar. (1988). *Pemasaran Pelancongan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi bin Haji Taha, Hood bin Haji Salleh dan Rashid bin Esa. (2006). *Orang Asli: Khazanah Tersembunyi*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Goodwin, H. (2007). Indigenous Tourism and Poverty Reduction. In R. Butler dan T. Hinch (Eds.), *Tourism and Indegenouse Peoples: Issues and Implications* (Pp. 85-94). USA: Elsevier Ltd.
- Hinch, T. dan Butler, R. (2007). Introduction: Revisiting Common Ground. In R. Butler dan T. Hinch (Eds.), *Tourism And Indegenouse Peoples; Issues And Implications* (Pp. 2). USA: Elsevier Ltd.
- Inskeep, E. (1996). *Perancangan Pelancongan, Pendekatan Pembangunan Bersepadu dan Berkekalan* (Che Elaine Che Hassan & Norlida Abd. Halim, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor. (2011). *Maklumat Kaji Selidik Satu Daerah Satu Industri (SDSI)*. Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor.
- Kraftangan Malaysia Cawangan Selangor. (2011). *Sekitar Majlis Perasmian Pusat Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri Pulau Carey*. Dicapai 22 Julai, 2011, dari <http://cawanganselangor.blogspot.com/>.
- Misroni. (2011). Kota Mah Meri. *Buletin Kraf, Bilangan 3*, 12-14.
- Muzium Pribumi. (2007). *Profil Masyarakat Pribumi Mah Meri*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Noor Yazlind. (2012). *Transformasi Dunia Anda : Personaliti - Potensi - Keunggulan*. Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

- Shaw, G. dan Williams, A. M. (1997). Individual Consumption of Tourism. In L. France (Ed.), *Sustainable Tourism* (Pp. 109). France: L. Earthscan Publications Ltd.
- Smith, V. L. (1996). Indigenous tourism and the 4H's. In Butler, R. W. dan Hinch, T. (Eds.), *Tourism and Indigenous peoples* (Pp. 283-307). London: London: Routledge.
- Tourism Western Australia. (2011). *Making A Difference 2011 - 2 0 1 5 : Aboriginal Tourism Strategy for Western Australia*.